



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

8,072 PELAJAR SEKOLAH DI PPR MTEN DAN PA DBKL MENIKMATI PERKHIDMATAN BAS SEKOLAH PERCUMA

KUALA LUMPUR, 10 Januari – Kementerian amat prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh ibu bapa untuk mengeluarkan kos bagi membiayai perkhidmatan bas sekolah anak-anak. Perkhidmatan bas sekolah percuma yang bermula pada 3 Januari 2017 disediakan khusus kepada anak-anak komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di 74 buah Projek Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PA DBKL) yang keseluruhannya memberi manfaat kepada 8,072 orang pelajar.

DBKL telah bekerjasama dengan 67 pengendali van dan bas sekolah serta dua (2) persatuan pengusaha pengendali-pengendali bas sekolah iaitu Gabungan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia dan Persatuan Pemandu, Pengusaha Bas Sekolah Lembah Klang / Kuala Lumpur termasuk bas-bas tambahan sekiranya masih belum mencukupi. Perkhidmatan bas sekolah percuma ini dibahagikan kepada 4 zon dan setiap pelajar dibekalkan dengan pas bagi mengelakkan kekeliruan ketika menaiki bas. Para pelajar dari Parlimen Lembah Pantai adalah yang paling ramai menggunakan perkhidmatan bas sekolah ini.

Melalui usaha ini dilihat dapat meringankan beban ibu bapa, sekaligus menepati usaha kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup komuniti bandar. Maklum balas daripada pihak sekolah juga memaklumkan jumlah kehadiran pelajar dari PPR MTEN dan PA DBKL ke sekolah pada tahun ini meningkat 80% berbanding tahun lepas. Petronas Dagangan Berhad juga turut terlibat dalam program ini dengan melaksanakan 'wrap around' 20 buah bas sekolah percuma ini. Kementerian amat mengalu-alukan lebih ramai badan-badan korporat untuk turut sama menjalinkan kerjasama strategik sebagai inisiatif CSR kepada masyarakat.

Para pengusaha bas sekolah juga turut mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan ini yang memberi impak positif kepada perniagaan mereka. Mereka juga dapat memberikan perkhidmatan yang lebih teratur kepada para pelajar. Diharapkan melalui usaha murni yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui DBKL ini akan meningkatkan minat dan mendorong para pelajar untuk hadir ke sekolah setiap hari tanpa ada masalah pengangkutan lagi selain dapat memberi kemudahan dan keselesaan sekaligus mengurangkan kerunsingan penduduk di PPR MTEN dan PA DBKL dalam menguruskan anak-anak ke sekolah.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
10 Januari 2017

INPUT TAMBAHAN

ZON	JUMLAH PELAJAR ADA BAS	BIL PENGENDALI BAS SEDIA ADA	BIL BAS/VAN SEDIA ADA		
			BAS	BAS TAMBAHAN	VAN
1	1603	14	17	22	6
2	2111	17	17		17
3	1887	11	4		8
4	2471	25	17		23
	8,072	67	55	22	54

JADUAL PERJALANAN BAS SEKOLAH

Sesi Pagi

Bil	Destinasi	Waktu bertolak (Isnin-Khamis)	Waktu bertolak (Jumaat)
1	Dari PPR/PA yang terlibat dengan program	6.30 pagi	6.30 pagi
2	Dari sekolah balik ke PPR/PA	1.00 petang	12.00 tengahari

Sesi Petang

Bil	Destinasi	Waktu bertolak
1	Dari PPR/PA yang terlibat dengan program	12.30 tengahari
2	Dari sekolah balik ke PPR/PA	6.45 petang